


KADAZANDUSUN DI SABAH

PENDIDIKAN DAN
PROSES PEMODENAN
1881 — 1967



Kadazandusun di Sabah



SAB00024889

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KADAZANDUSUN DI SABAH

PENDIDIKAN DAN
PROSES PEMODENAN
1881 – 1967

DAYU SANSALU

PERPUSTAKAAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERPUSTAKAAN DBP

Cawangan, Sabah.

No. Kelas: 305.895 Day

No. Perolehan: 0277/09

Tarikh: 30/4/09 T.T. Tel

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2008

Cetakan Pertama 2008
© Dayu Sansalu 2008

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dayu Sansalu

Kadazandusun di Sabah : pendidikan dan proses
pemodenan 1881-1967 / Dayu Sansalu.

ISBN 978-983-62-9983-3

1. Dusun (Bornean people)--Sabah--Social
conditions 1881-1967. I. Judul.

305.8959521



Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| <i>PENGHARGAAN</i> | ix |
| BAB 1: PENGENALAN | 1 |
| Asal Usul Nama Sabah | 1 |
| Sejarah Awal Negeri Sabah | 5 |
| Fokus Perbincangan | 12 |
| BAB 2: LATAR BELAKANG MASYARAKAT KADAZANDUSUN | 23 |
| Pengenalan | 23 |
| Asal Usul Masyarakat Kadazandusun | 26 |
| Asal Usul Bahasa Kadazandusun | 30 |
| Definisi Perkataan Kadazandusun | 41 |
| Latar Belakang Masyarakat Kadazandusun | 57 |
| Dialek Bahasa Masyarakat Kadazandusun | 66 |
| Pengaruh Cina dalam Kebudayaan Kadazandusun | 73 |
| Kesimpulan | 76 |
| BAB 3: KADAZANDUSUN DAN PENDIDIKAN TRADISIONAL | 79 |
| Pengenalan | 79 |
| Pendidikan Tradisional | 80 |

KANDUNGAN

| | |
|--|---------|
| Pendidikan tentang Kepercayaan | 82 |
| Kepercayaan kepada Semangat | 83 |
| Kepercayaan kepada Roh dan Kuasa Ghaib | 85 |
| Pendidikan tentang <i>Sogit</i> | 88 |
| Semangat Padi dan Kuasa <i>Komburongo</i> | 92 |
| Pendidikan tentang Ilmu <i>Bobolian</i> | 94 |
| Kegiatan Ekonomi Tradisional | 98 |
| Organisasi Politik Tradisional | 102 |
| Masyarakat Kadazandusun pada Zaman Kesultanan Brunei | 108 |
| Sistem Pendidikan | 108 |
| Kegiatan Ekonomi | 109 |
| Sistem Pentadbiran | 116 |
| Kesimpulan | 124 |
| BAB 4: KADAZANDUSUN DAN PENDIDIKAN MODEN | 126 |
| Pengenalan | 126 |
| Perkembangan Awal Pendidikan | 127 |
| Sekolah <i>Mission</i> | 129 |
| Sekolah Latihan untuk Anak Ketua Bumiputera | 147 |
| Sekolah Vernakular SBBU | 153 |
| Perkembangan Pendidikan Zaman Jepun | 162 |
| Perkembangan Pendidikan Zaman Penjajah | 164 |
| Sekolah Sukarela Rakyat | 175 |
| Sekolah Menengah | 178 |
| Kesimpulan | 191 |
| BAB 5: KADAZANDUSUN DAN PROSES PEMODENAN | 195 |
| Pengenalan | 195 |

KANDUNGAN

| | |
|---|-------------|
| Perkembangan Ekonomi Zaman SBBU | 196 |
| Perkembangan Ekonomi Zaman Penjajah | 212 |
| Organisasi Politik Kadazandusun Zaman SBBU | 218 |
| Perkembangan Politik Kadazandusun Zaman Penjajah | 243 |
| Kesimpulan | 256 |
| BAB 6: KEWUJUDAN PERSATUAN DAN KESEDARAN BERORGANISASI | 258 |
| Pengenalan | 258 |
| Kadazandusun dan Gerakan Berpersatuan | 259 |
| Persatuan Belia Kadazan | 277 |
| Persatuan Belia Kadazan Sabah Bersatu | 283 |
| Persatuan Kebudayaan Kadazan | 289 |
| Persatuan Kebudayaan Kadazan Sabah | 290 |
| Persatuan Dusun Sabah Bersatu (USDA) | 291 |
| Kesimpulan | 295 |
| BAB 7: PERTUBUHAN POLITIK KADAZANDUSUN MENJELANG PENUBUHAN MALAYSIA | 297 |
| Pengenalan | 297 |
| Kesedaran untuk Menubuhkan Parti Politik | 298 |
| <i>United National Kadazan Organisation</i> (UNKO) | 304 |
| Reaksi Kadazandusun terhadap Penubuhan Malaysia | 307 |
| Cawangan UNKO | 317 |
| Pergerakan Wanita Kadazan UNKO | 331 |

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana memberikan saya perlindungan, kesihatan serta kekuatan fizikal dan mental dalam melaksanakan penulisan buku ini, walaupun mengalami berbagai-bagai halangan dan rintangan. Buku ini merupakan hasil tesis Doktor Falsafah saya di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dalam ruangan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada UMS, kerana menerima saya sebagai pelajar pasca-siswazahnya, khusus kepada Profesor Dr. Haji Ahmat Adam, mantan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS, kerana kesudiannya menjadi penyelia saya dan seterusnya membimbing, memberi nasihat dan tunjuk ajar yang amat bermakna kepada saya ketika menyelesaikan penyelidikan.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua responden yang sudi ditemu ramah dan memberikan maklumat yang diperlukan terutama sekali kepada Tan Sri Sufian Koroh, Tan Sri Datuk Gani Gilong, Datuk Dr. Herman J. Luping, mendiang Datuk Jintol Megunting serta rakan-rakan yang turut membuat penyelidikan khususnya Siti Aidah Haji Lokin. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pengarah Arkib Negeri Sabah dan kakitangan bahagian penyelidikan, Pengarah Perpustakaan Muzium Sabah, Perpustakaan Tun Fuad

Stephen dan kakitangannya kerana memberi kerjasama sepenuhnya semasa penyelidikan ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Sabah, khususnya kepada Pengarah Pelajaran Sabah, kerana memberi kebenaran kepada saya untuk mengikuti kursus dan membuat penyelidikan secara sambilan di UMS, staf SM St. Joseph, Papar dan SMK Likas, Kota Kinabalu.

Dalam usaha penerbitan buku ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. Haji Ahmat Adam dan Prof. Dr. Mohd. Sarim Haji Mustajab atas nasihat dan dorongan mereka kepada saya agar menerbitkan buku ini. Walau bagaimanapun, penerbitan buku ini tidak akan lestari tanpa Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Justeru itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengarahnya, Encik Zubaidi Abas kerana dengan sokongan beliau buku ini dapat diterbitkan. Tidak dilupakan editor buku ini iaitu Puan Noorzanani Haji Kata dan juga pegawai lain yang turut terlibat iaitu Encik Rusdi Awang dan Puan Jennitah Noordin. Terima kasih juga kepada Puan Rita Lasimbang kerana menyemak isi kandungan buku ini.

Sejambak penghargaan dan ucapan terima kasih kepada isteri saya Puan Chang Nyuk Fung dan anak-anak iaitu Stephenie, Staffalce, Staffalda, Stavehaiker, Calvin, Christer Alvin dan Christy atas pengertian, sokongan, dorongan dan bantuan serta galakan yang diberikan sepanjang saya menulis buku ini.

Hanya Tuhan sahaja yang membalas segala sumbangan kalian sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang penyelidikan saya dan penerbitan buku ini.

Dr. Dayu Sansalu

BAB

1

PENGENALAN

ASAL USUL NAMA SABAH

Negeri Sabah atau Borneo Utara merupakan sebuah wilayah di utara Pulau Borneo, iaitu pulau ketiga besar di dunia yang terletak di bahagian timur Malaysia, dan dipisahkan daripada tanah Semenanjung oleh Laut China Selatan. Di utaranya ialah Laut Sulu dan di timurnya pula ialah Laut Sulawesi. Negeri Sabah¹

¹ Nama tertua bagi negeri Sabah ialah "Seludang". Nama itu pernah disebut dalam syair karangan prapancha, iaitu syair

merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia. Nama Sabah telah digunakan para pedagang sejak akhir abad ke-14 semasa pemerintahan Sultan Bolkiah di Brunei (Gudgeon, 1913:7). Semasa pemerintahan kesultanan Brunei, negeri Sabah meliputi seluruh bahagian utara pantai barat, iaitu dari Sungai Sulaman (Tuaran) hingga ke Teluk Marudu yang meliputi Sungai Paitan hingga ke Sungai Sibuku. Wilayahnya terdiri daripada Sungai Paitan, Sugut, Labuk, Sandakan, Kinabatangan, Mumiang, Kimanis, Benoni, Teluk Gaya, Teluk Sepangar, dan Pulau Banggi.²

Ada pelbagai cerita atau pendapat tentang asal usul nama Sabah. Menurut cerita rakyat, nama "Sabah" berasal daripada nama sejenis pisang yang dikenali sebagai "pisang saba".³ Orang Bajau menyebut pisang tersebut sebagai "pisang jaba" atau "pisang menurun" (Rahman, 1960:78). Oleh sebab pisang itu banyak terdapat di Sabah (dikatakan banyak terdapat di Kudat), mereka menamai negeri ini "Sabah" sempena nama pisang tersebut (Abdul-

"Nagara Kertagama" yang ditulis pada tahun 1365. Nama itu juga terdapat dalam daftar lama bekas jajahan takluk Majapahit bertarikh 1368. Pusat negeri Seludang terletak di antara kawasan Marudu di Tanjung Bangkoka di Kudat hingga ke Pulau Jambungan dan pernah menjadi sebahagian takluk rantau negeri Poni (Brunei) semasa pemerintahan Sultan Awang Alak Betatar (Rahman, 1960:78).

- 2 Artikel 5a, Arkib Negeri Sabah, hlm. 463 tentang *Commission from Sultan of Borneo appointing Gustavus Baron de Overbeck the Maharaja of Sabah (North Borneo) and Raja of Gaya and Sandakan, done at the palace of Brunei the 29 December 1877.*
- 3 Pisang *Saba* dilaporkan besar dan aneh, ditemukan orang Sulu di Lembah Labuk di daerah Beluran, Sandakan semasa mereka berulang-alik berniaga dari Sulu ke Sandakan.

lah Hussain, 1970:14). Selain itu, perkataan “Sabah” juga dipercayai berasal daripada perkataan *sabak* yang bermakna tempat orang memasak gula tebu.⁴ Ada pula yang mengatakan bahawa perkataan “Sabah” itu berasal daripada perkataan “seberang”. Kononnya pada zaman dahulu, orang dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sulu yang ingin belayar ke Sabah akan mengatakan bahawa mereka hendak ke seberang. Di samping itu, dikatakan juga bahawa perkataan “Sabah” berasal daripada bahasa Arab. Orang Arab menyebut “Sabah” sebagai *sabat* yang bererti tujuh kerana Sabah disangka Pulau Borneo, iaitu pulau yang ketujuh besarnya selepas benua Australia (Jasni, 1964:11).

Menurut pendapat lain, perkataan “Sabah” berasal daripada perkataan orang Dusun Brunei dan Bisaya, iaitu “saba” yang bermaksud ‘hilir’ atau ‘kawasan di hilir’. Pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei dan zaman sebelumnya, penduduk peribumi di Brunei dan di kawasan tanah jajahannya dibezakan berdasarkan lokasi petempatan sama ada di tebing sungai, di hulu sungai, atau di kawasan perbukitan atau pedalaman (Siti Aidah, 2003). Masyarakat Dusun di Brunei, misalnya, menyebut penduduk yang tinggal di tebing sungai besar sebagai Sang Bang (Bawang) Gayoh yang bermakna penduduk atau orang dari sungai besar, dan mereka menyebut penduduk yang tinggal di kawasan tebing sungai kecil atau anak sungai pula sebagai Sang Bang (Bawang) Diok yang bermakna penduduk atau orang dari anak sungai. Penduduk yang mendiami

4 Tidak dinyatakan tempat letaknya “Sabak” itu, tetapi dikatakan bahawa pada zaman dahulu (tidak dinyatakan tahunnya) terdapat usaha memasak gula tebu di negeri ini.

kawasan bukit disebut sebagai Sang Bukit Sawat yang bermaksud orang bukit, manakala penduduk yang tinggal di kawasan dataran tanah rendah pula disebut sebagai Sang Sambila. Dalam bahasa rumpun Dusun dialek Bisaya, perkataan "jalama" mempunyai maksud yang sama dengan perkataan "sang" dalam bahasa Dusun Brunei, iaitu penduduk atau orang. Bagi orang Bisaya, "Jalama Saba" merujuk kepada penduduk di hilir, "Jalama Duud" membawa maksud penduduk di hulu, dan "Jalama Saruang" merujuk kepada penduduk di pedalaman (Batong Antaran, 1993:13). Tambahan pula, perkataan "saba" terdapat dalam syair Brunei tua, iaitu syair Semaon sebagaimana yang disebut dalam syair 1 dan syair 2. Perkataan "Saba" dalam petikan syair 1 jelas bermakna hilir, iaitu lawan hulu. Begitu juga perkataan Saba dalam petikan syair 2 yang jelas bermaksud hilir sungai atau kampung hilir.

Syair 1

*Jangan bersorak bermasam muka
Hanya sa-kadar bersuka-ria
Bukan-nya tempat berhati duka
Awang ku berlumba jangan-lah leka.*

*Kata Semaon baik di-chuba
Mengapa bertengkar kitani hamba
Ka hulu dahulu baharu ka-Saba
Kita berhenti berlumba-lumba.*

(Jasni, 1960:12)

Syair 2

*Oh nenek ku Bubok, habis bunga kachang ta (kita)
Di-pupul oleh Si-Jamil
Si-Jamil merah mata*

*Merah mata ka-danau
Membabas jubor itek
Itek teragak-agak
Gagak-gagak ka-hulu
Gagak-gagak ka-Saba*

*Tuhor buang laut
Dalam meneruskan
Makan padi sakatawai
Minum ayer sa-lautan*
(Jasni, 1960:12)

Daripada pelbagai cerita dan pendapat tentang asal usul nama Sabah yang dipaparkan di atas, pendapat yang mengatakan bahawa nama Sabah berasal daripada perkataan “saba” yang digunakan masyarakat peribumi Dusun dan Bisaya di Brunei dan di Limbang, Sarawak untuk merujuk kepada penduduk di Sabah yang tinggal di kawasan hilir lebih dapat diterima. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa perkataan “saba” itu berasal daripada perkataan bahasa rumpun Dusun dialek Bisaya.

SEJARAH AWAL NEGERI SABAH

Sejarah awal negeri Sabah tidak diketahui sebelum kedatangan Barat kerana ketiadaan rekod bertulis, kecuali catatan penulis Cina dan rekod pemerintah Kesultanan Brunei dan Sulu semasa negeri Sabah diperintah kerajaan Kesultanan Sulu⁵ dan Brunei.⁶ Orang

5 Untuk mengetahui pemerintahan Kesultanan Sulu dengan lebih lanjut, lihat (Ariff, 1970; Warren, 1931; Tarling, 1978).

6 Penjelasan lanjut tentang pemerintahan Kesultanan Brunei dapat dirujuk dalam (Sweeney, 1968:1–82; Hughes, 1940:26–42; Leys, 1968:116–130; dan Black, 1968:172–192).